

27/02/2001

Ejen sukar jual tiket di Eropah

Saufi Hamzah

SASARAN 70 peratus penonton luar negara - penyumbang utama terhadap kemeriahan Grand Prix Malaysia Petronas di Litar F1 Sepang - tidak akan tercapai apabila temasya itu berlangsung bulan depan, berikutan tindakan pengusaha hotel tempatan menaikkan kadar sewa bilik sewenang-wenangnya.

Kenaikan kadar sewa bilik yang tinggi daripada harga biasa itu - sesetengahnya mencapai 30 peratus - menyebabkan ejen tiket di Eropah menghadapi kesulitan menarik lebih ramai penonton dari benua itu kerana harga pakej untuk menyaksikan F1 itu kini menjadi lebih mahal.

Pengerusi Sepang International Circuit (SIC), Tan Sri Basir Ismail, mengakui jualan tiket di luar negara memang kurang memuaskan kerana banyak ejen mereka di Eropah gagal menjualnya berbanding tahun lalu.

"Memang benar kami terima aduan daripada mereka yang menyatakan harga sewa bilik hotel di Malaysia agak tinggi sehingga menyebabkan ramai yang sebelum ini pernah berada di Sepang, mengambil keputusan untuk tidak datang kali ini.

"Selama dua tahun pengusaha hotel mendapat keuntungan daripada penganjuran acara ini, jadi mereka mahu terus berbuat demikian dengan mengenakan kadar sewa yang tinggi.

"Jika begini keadaannya, tindakan mereka itu boleh membunuh sukan ini dalam jangka pendek," katanya selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian di antara SIC dan TV3 yang dilantik sebagai hos penyiar dan ejen tiket bagi Grand Prix Malaysia Petronas 2001 di Sri Pentas, semalam.

Setakat ini hanya 25 peratus daripada 90,000 tiket dijual walaupun perlumbaan itu akan berlangsung kurang daripada 20 hari lagi.

Difahamkan, sesetengah hotel bertaraf empat bintang dan ke atas mengenakan bayaran AS\$100 (RM380) bagi bilik standard untuk tiga malam penginapan sepanjang kejohanan itu berbanding kadar biasa di antara RM150 dan RM180 semalam.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan kesal terhadap hotel yang menaikkan kadar sewa bilik semasa temasya sukan antarabangsa berlangsung dan menyifatkan perbuatan itu boleh menjejaskan kehadiran pengunjung asing.

"Yang dapat nikmat keuntungan secara langsung ialah pihak hotel kerana kita dapati mereka naikan sewa bilik tetapi tidak ada sumbangan daripada mereka sama sekali. Mungkin kita perlu kenakan levi kepada mereka," kata Dr Mahathir.

Perlumbaan di Malaysia pada 16-18 Mac depan adalah pusingan kedua daripada kalendar 2001 yang membabitkan 17 perlumbaan musim ini. Sebelum Sepang, Litar Albert Park di Melbourne, adalah penganjur pusingan pertama, Ahad ini.

Justeru, bagi mengatasi masalah kekurangan penonton, Basir meminta sektor korporat yang mampu supaya membeli tiket agar dapat memberikan gambaran positif Malaysia menyokong penganjuran dan kehadiran sukan motor berprestij itu.

(END)